

KAD KREDIT YOLO UOB

TERMA & SYARAT

Berkuatkuasa 5 November 2020

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad YOLO UOB ("Kad") yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") kepada Ahli Kad dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna kedua-dua ahli kad utama dan tambahan.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOBM berhak untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran atau penggunaan sebarang atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOBM adalah muktamad dan akan mengikat Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOBM dengan pemberian notis terlebih dahulu.

Program Pulangan Tunai Kad YOLO UOB ("Program")

1. Kad YOLO UOB ("Kad") dilengkapi dengan ciri-ciri seperti ganjaran Pulangan Tunai 5% untuk Perbelanjaan Dalam Talian, Perbelanjaan Makan, dan Perbelanjaan Tanpa Sentuhan yang disediakan sepanjang hari ("Pulangan Tunai").
2. Tertakluk kepada Klausula 17, Perbelanjaan Dalam Talian akan termasuk semua transaksi dalam talian yang dilakukan dengan menggunakan Kad.
3. Tertakluk kepada Klausula 17, Perbelanjaan Tanpa Sentuhan akan termasuk semua transaksi Visa Contactless yang dilakukan di tempat jualan (POS) peniaga dengan menggunakan Kad.
4. Perbelanjaan Makan akan termasuk semua transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad di kedai peniaga makanan yang mengambil bahagian di bawah Kod Kategori Peniaga (*Merchant Category Code* atau "MCC") seperti berikut:

| Kategori Perbelanjaan | Kod Kategori Peniaga (MCC) | Huraian |
|------------------------------|-----------------------------------|--|
| Makan | 5811 | Katerer |
| | 5812 | Tempat Makan & Restoran |
| | 5813 | Tempat Minum – Bar / Kedai Minuman (<i>Tavern</i>) / Ruang Istirahat / Disko |
| | 5814 | Restoran Makanan Segera |

MCC serta transaksi yang diklasifikasikan di bawahnya telah ditetapkan oleh Visa. Jika sesuatu transaksi Kad tidak diklasifikasikan di bawah mana-mana MCC di atas, transaksi tersebut tidak akan layak untuk Pulangan Tunai.

5. Untuk layak mendapat Pulangan Tunai, Ahli Kad perlu memenuhi dua (2) kriteria berikut:
 - a) Melakukan sekurang-kurangnya lima (5) transaksi setiap bulan (“Jumlah Bilangan Transaksi”) dengan menggunakan Kad (yang termasuk sama ada Perbelanjaan Dalam Talian, Perbelanjaan Makan dan/atau Perbelanjaan Tanpa Sentuhan). Jumlah Bilangan Transaksi Minimum akan dijejak berdasarkan tarikh pengesahan transaksi yang dinyatakan dalam sistem UOBM untuk bulan kalendar masing-masing.
 - b) Perbelanjaan minimum bagi setiap Jumlah Bilangan Transaksi adalah RM15.
6. Tertakluk kepada Klausula 16, Jumlah Bilangan Transaksi termasuk perbelanjaan terkumpul bagi kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan yang dicaj kepada Kad. Untuk mengelakkan keraguan, hanya Ahli Kad utama akan layak menerima Pulangan Tunai.
7. Walau apa pun dalam Klausula 1 di atas, jumlah Pulangan Tunai yang disediakan untuk kategori Perbelanjaan Dalam Talian, Perbelanjaan Makan dan Perbelanjaan Tanpa Sentuhan untuk kedua-dua Kad utama dan tambahan yang digabungkan akan dihadkan pada maksimum RM30 sebulan.
8. Untuk Kad yang baru diluluskan, syarat yang dinyatakan dalam klausula 5 mesti dipenuhi dalam bulan kalendar pertama. Sekiranya tempoh kelayakan adalah kurang daripada satu bulan, syarat-syarat masih akan digunakan.
9. Untuk mengelakkan keraguan, jumlah Pulangan Tunai akan dikenakan kepada sen terdekat.
10. Jumlah pembayaran untuk Pulangan Tunai ialah RM160,000 setiap bulan kalendar yang akan disediakan pada dasar yang dahulu, didahulukan. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad sekiranya pembayaran Pulangan Tunai telah mencapai had pembayaran maksimum.
11. Jumlah pembayaran bagi Pulangan Tunai akan disemak setiap suku tahun dan akan diselaraskan sewajarnya jika dianggap perlu.
12. UOBM boleh meminda dan/atau mengubah Jumlah Bilangan Transaksi, perbelanjaan minimum bagi setiap transaksi dan jumlah pembayaran Pulangan Tunai, dengan memberikan notis terlebih dahulu.
13. Pulangan Tunai bulanan yang diperolehi dalam satu bulan kalendar akan dikreditkan ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad pada hari terakhir bulan berikutnya.
14. Untuk mengelakkan keraguan, hanya satu (1) transaksi yang dilakukan di tempat peniaga yang mengambil bahagian yang sama pada hari yang sama akan diambil kira dalam pengiraan Jumlah Bilangan Transaksi. Jika terdapat lebih daripada satu (1) transaksi, perbelanjaan yang tertinggi akan diambil untuk pengiraan Pulangan Tunai.
15. Apa-apa Pulangan Tunai terkumpul yang termasuk Pulangan Tunai yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad akan dihentikan dengan serta-merta jika berlakunya mana-mana yang berikut:
 - a) Sebarang pembatalan Kad;
 - b) Sebarang penukaran Kad ke mana-mana Kad Kredit UOBM lain;
 - c) Akaun Kad Kredit menjadi tertunggak, ditamatkan atau digantung atas apa-apa sebab sekalipun;
 - d) Ahli Kad melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad;

- e) Ahli Kad meninggal dunia atau melakukan tindakan kebangkrapan atau membenarkan penghakiman masih berterusan ke atas beliau selama lebih dua puluh satu (21) hari; atau
- f) Kedudukan kewangan Ahli Kad adalah atau telah menjadi tidak memuaskan dan UOBM berpendapat bahawa keupayaan Ahli Kad untuk memenuhi Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad telah atau akan terjejas.

Pengecualian

16. Transaksi berikut **tidak** termasuk dalam Jumlah Bilangan Transaksi:

- a) Pemindahan Baki;
- b) Pendahuluan Tunai;
- c) Pelan Flexi-Credit;
- d) Credit Shield;
- e) Pembelian Pelan Easi-Payment;
- f) Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
- g) Pembayaran fi keahlian kad tahunan, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai barangan dan perkhidmatan serta apa-apa bentuk cukai/fi perkhidmatan/pelbagai lain yang menggunakan Kad; dan
- h) Transaksi lain sedemikian seperti yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.

17. Pulangan Tunai di bawah Program ini **tidak** diberikan untuk transaksi berikut:

- a) Pemindahan Baki;
- b) Pendahuluan Tunai;
- c) Pelan Flexi-Credit;
- d) Credit Shield;
- e) Pembelian Pelan Easi-Payment;
- f) Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
- g) Transaksi Kerajaan:
 - i. Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak;
 - ii. Denda oleh Mahkamah, kerajaan, pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan;
 - iii. Pembayaran jaminan atau bon;
 - iv. Pembayaran cukai kepada kerajaan; dan
 - v. Pembayaran kepada mana-mana jabatan kerajaan.
- h) Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak;
- i) Transaksi perkhidmatan kewangan (contohnya, transaksi yang dilakukan kepada institusi kewangan lain, pemindahan nilai kepada kad nilai tersimpan, pembelian produk kewangan lain, dan lain-lain);
- j) Pertubuhan kebajikan;
- k) Transaksi petrol;
- l) Transaksi utiliti;
- m) Transaksi JomPay;
- n) Transaksi telekomunikasi;
- o) Transaksi insurans;
- p) Pembayaran fi keahlian kad tahunan, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai barangan dan perkhidmatan serta apa-apa bentuk cukai/fi perkhidmatan/pelbagai lain yang menggunakan Kad; dan
- q) Transaksi lain sedemikian seperti yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.

18. Tanpa menjejaskan keluasan makna di atas, sekiranya Pulangan Tunai di bawah Program ini diberikan kepada dan diterima oleh seorang individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan atau kesalahan berhubung dengan penggunaan Kad dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad, UOBM berhak untuk membatalkan penyertaan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan Pulangan Tunai.

Terma dan Syarat Am

19. Dengan menyertai Program masing-masing, Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya serta terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.
20. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan untuk semua perkara berhubung dengan Program masing-masing di sini.
21. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli Kad dalam Program masing-masing kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Program di sini.
22. Keputusan UOBM dalam semua perkara berhubung dengan Program masing-masing, termasuk penentuan Pulangan Tunai serta kategori Pulangan Tunai, adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Ahli Kad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Ahli Kad atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
23. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh syarikat peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tidak layak mendapat Pulangan Tunai.
24. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM, kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
25. UOBM berhak pada budi bicara mutlaknya untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program masing-masing, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Program masing-masing oleh UOBM tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad, sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian, kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Program di sini.
26. Ahli Kad layak untuk ikut serta dalam Program dengan syarat Ahli Kad tidak mungkir pada mana-mana terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.

27. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.